

# Bahasa Hidup Selagi Ada Cita Sempurna

Azhar Ibrahim Alwee

**D**aripada bahasa sesebuah masyarakat, terpantul isi dan semangat kebudayaannya, termasuk keluasan dan tingkat keintelektualan masyarakat itu dan sejauh mana pengkonsepsian kehidupan dunia mereka.

Setiap kebudayaan itu ada segi-segi yang boleh dikonsepsikan sebagai cita sempurna dan cita bencana yang mana ia boleh wujud dalam perkadaran yang berbeza.

Konsep 'cita sempurna' dirintis oleh Profesor Syed Hussein Alatas dalam bukunya *Cita Sempurna Warisan Sejarah* (2000). Ia bererti: suatu pandangan hidup yang menyeluruh bertujuan untuk mencapai masyarakat progresif lantas menggerakkan usaha yang hebat bagi menjayakannya.

Cita sempurna adalah visi, aksi dan keyakinan pada nilai-nilai universal dan kesedaran pada kondisi dan nuansa setempat.

Cita sempurna adalah pengiktirafan pada daya upaya manusia yang mahu berikhtiar mencapai visi kesempurnaan tersebut, sama ada yang pernah ditunjukkan oleh individu tertentu mahupun secara kolektif.

Menurut almarhum Profesor Alatas, amat penting bagi setiap ahli masyarakat, teristimewa di kalangan kepemimpinan memiliki unsur moral yang tinggi yang penuh dengan kemanusiaan.

Cita sempurna manusia Melayu tentu sekali memerlukan bahasa pengungkapan idea dan pemikiran untuk menyampaikan kepada visi dan cita yang diharapkan.

Wacana tentang bahasa kita sering kali dikupas dari segi linguistik, sistem nahu, sejarah dan dinamika bahasa, gerakan, perancangan dan nasionalisme bahasa.

Penting juga kita meninjau bagaimana manusia Melayu itu memaparkan kemanusiaannya melalui bahasa yang ia bina dan guna. Sesuatu bahasa itu hanya akan terbangun apabila ia dipraktis dalam semua domain.

Soalnya ialah jangan sampai bahasa kita sekadar bahasa dalam lingkungan keluarga, ataupun untuk urusan mudah apabila berada di kedai minum dan makan dan sebagainya itu. Jangan pula bahasa itu dipelajari sekadar untuk lulus peperiksaan saja.

Bahasa boleh mengalami 'kehilangan' iaitu walaupun wujud, ia kepupusan isi dan tenaga penuturnya.

Sejarah telah membuktikan dengan jelas betapa sudah banyak bahasa seperti Latin dan Sanskrit yang tinggal nama saja tetapi kurang semangatnya.

Dinamisme bahasa terletak di atas pengguna bahasa itu sendiri, khasnya di kalangan golongan inteligensia dalam masyarakat itu.

Hanya dengan cita sempurna yang berbekalkan pemikiran kritis dan kreativiti, bersendikan harapan dan semangat untuk membaiki dan meneroka, akan dapat mengingatkan kita bahawa nasib bahasa kita usah dientengkan.

Cita Bahasa ini umumnya boleh diperikan oleh ciri-ciri berikut:

- Keyakinan pada bahasanya sebagai ungkapan dalam setiap lapangan komunikasi dalam komuniti berbahasa itu, namun tidak tertutup menjadi komuniti berbahasa yang eksklusif.
- Penghayatan bahasa sebagai wadah yang dapat memberi makna kepada kehidupan, sebagai salah satu unsur penting dalam memperkukuh jati dirinya.

- Ada perasaan malu apabila terjadi pengabaian pada bahasa sendiri, termasuk penyalahgunaannya baik dari segi semantik mahupun struktur nahu dan lisan.

Kesedaran bahawa keampuhan bahasa terletak pada pengisian intelektual (peranan bijak pandai seperti profesional) selain sebatian dengan pernyataan moral-etika.

Kita perlu membezakan retorika agar orang ramai mencintai bahasa berbanding dengan penghargaan sebenar pada bahasa berdasarkan amalan berwacana (berbincang), menulis dan menterjemah dalam bahasa sendiri.

Jelasnya cerdik pandai dan warga guru dan sarjana pengajian bahasa Melayu harus merancang suatu bahasa Melayu yang dapat berfungsi pada lapangan-lapangan penting dalam kehidupan.

Dengan cara inilah, budaya kita menjadi hidup dan berkembang sesuai dengan masa dan tuntutan ilmu.

\*\*\*\*\*

[Artikel ini telah disiarkan di dalam Berita Harian, 28 Disember 2007.]